



**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
WILAYAH PERSEKUTUAN**

Aras G - 6, Rumah Persekutuan
Jalan Sultan Hishamuddin
50678 KUALA LUMPUR
MALAYSIA.

Tel. : 03-2610 3300
Faks : 03-2610 3499
Portal Rasmi : www.ptgwp.gov.my

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: PTG/WP 14/14A/AM/11 Jld. 10 (95)
Tarikh : **22** Julai 2020

Badan Peguam Malaysia

No. 13, 15 & 17,
Leboh Pasar Besar,
50050 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur

4th Floor,
Wisma Hangsam,
No. 1, Jalan Hang Lekir,
50000 Kuala Lumpur

Jawatankuasa Peguam Selangor

No, 41, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13,
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN ATAS TALIAN SEPENUHNYA
BAGI URUSAN KEBENARAN PIHAK BERKUASA NEGERI (CONSENT)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTGWPKL) akan memperkenalkan perkhidmatan secara atas talian sepenuhnya atau *end-to-end* (E2E) bagi urusan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (Consent) mulai **27 Julai 2020**.

3. Bermula tarikh tersebut, semua urusan berkaitan dengan urusan Consent seperti memasukkan maklumat, serahan dokumen, bayaran fi permohonan, semakan status permohonan, pemakluman dan serahan surat keputusan boleh dilaksanakan dan diperolehi sepenuhnya secara atas talian. Justeru, pelanggan tidak lagi perlu hadir ke kaunter PPTGWPKL ini untuk melaksanakan urusan dan transaksi berkaitan dengan permohonan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (Consent).

Sekata Kita Kota



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5152

4. Consent E2E diperkenalkan adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan secara elektronik yang dapat memudahkan orang awam untuk berurusan dengan PPTGWPKL. Pelaksanaan ini juga bertujuan untuk;


- i) Memudahkan pelanggan seperti firma guaman melaksanakan urusan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (Consent) secara atas talian tanpa perlu hadir ke kaunter;
- ii) Permohonan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dan dimana jua;
- iii) Mengurangkan kos dan masa menunggu; dan
- iv) Menyokong inisiatif Kerajaan untuk menyesuaikan diri dengan kebiasaan baharu atau *the new normal* dalam usaha mencegah pandemik Covid-19.

5. Bagi menikmati kemudahan yang disediakan, wakil firma dan orang awam hendaklah berdaftar sebagai pengguna portal Awam e-Tanah PPTGWPKL. Tempoh peralihan selama tiga (3) bulan akan diberikan sebelum Pejabat ini **mewajibkan** semua urusan dan transaksi berkaitan permohonan Consent dibuat sepenuhnya secara atas talian. Dalam tempoh peralihan tersebut, wakil firma dan orang awam, masih lagi boleh melaksanakan urusan Consent di kaunter PPTGWPKL.

6. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai bagi memastikan urusan pentadbiran tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berjalan lancar.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



HAFEZ BIN ABDUL AZIZ

b.p. Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan
03-26103379
hafez@ptgwp.gov.my